

TINJAUAN KEPERLUAN DAN CADANGAN PERLUASAN TABIKA DAN TASKA PERPADUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendidikan Awal Kanak-Kanak merupakan asas utama perkembangan kognitif, sosioemosi dan pembentukan nilai yang menyumbang kepada pembinaan generasi masa depan yang berdaya tahan dan bersatu. Dalam konteks Malaysia, Tabika Perpaduan (TP) dan Taska Perpaduan (TSP) memainkan peranan unik kerana selain menyediakan pendidikan awal berkualiti, institusi ini turut menjadi platform pemupukan perpaduan sejak usia kecil melalui interaksi antara kanak-kanak pelbagai etnik. Namun, tiada penambahan TP/TSP sejak 2013 walaupun permintaan pendidikan awal terus meningkat. Laporan Kebangsaan 2023–2024 turut menunjukkan ketidakseimbangan taburan institusi antara negeri dan kawasan perumahan sekali gus menimbulkan keperluan menilai kembali keberadaan TP/TSP dalam memenuhi keperluan komuniti.

Permasalahan kajian ini berpunca daripada ketidakcukupan akses kepada institusi pendidikan awal berkos rendah, khususnya dalam kalangan keluarga B40 dan kawasan tanpa pilihan alternatif. Perubahan sosial seperti peningkatan ibu bapa bekerja dan kos sara hidup turut meningkatkan keperluan terhadap institusi yang selamat, dekat dan berkualiti. Berdasarkan isu ini, kajian memfokuskan kepada lima objektif iaitu mengenal pasti permintaan masyarakat terhadap TP/TSP, keperluan lokasi baharu, institusi alternatif yang sedia ada, tahap kemampuan isi rumah serta tahap pengetahuan dan penerimaan masyarakat terhadap TP/TSP. Skop kajian merangkumi ibu bapa atau penjaga kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah di seluruh negara.

Sorotan literatur menegaskan bahawa pengalaman awal kanak-kanak memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan minda, sosial dan emosi. Kajian tempatan dan antarabangsa menunjukkan pendidikan awal berkualiti meningkatkan kesediaan ke sekolah serta membentuk nilai empati, kerjasama dan toleransi. Dalam masyarakat berbilang kaum, TP/TSP memberi nilai tambah kerana wujudnya interaksi awal dalam suasana harmoni. Literatur juga menunjukkan bahawa keluarga berpendapatan rendah sangat bergantung pada institusi yang dekat, selamat dan mampu milik sebagai ciri-ciri yang relevan dengan model TP/TSP.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik atas talian menggunakan *Survey Monkey*. Tinjauan rintis dijalankan pada 14 sehingga 17 Mac 2024, manakala tinjauan nasional dilaksanakan dari 27 Mac hingga 19 April 2024. Kaedah *Quota Sampling* memastikan setiap negeri diwakili secara seimbang. Daripada 9,716 responden yang diperolehi, 7,070 memberikan maklum balas lengkap, menjadikan dapatan lebih representatif dan kukuh.

Dapatan menunjukkan permintaan sangat tinggi terhadap TP/TSP (98%) responden bersedia menghantar anak jika institusi disediakan berhampiran kediaman. Selain itu, 89.1% menyokong peluasan TP/TSP ke kawasan baharu. Analisis lokasi juga mendedahkan banyak kawasan perumahan baharu, bandar dan penempatan luar bandar masih kekurangan institusi pendidikan awal. Kajian turut mengenal pasti lebih 4,716 institusi pendidikan awal lain, namun taburan tidak sekata dan menyebabkan jurang akses yang ketara.

Faktor utama pemilihan institusi bagi ibu bapa ialah yuran berpatutan, keselamatan, jarak dan kualiti guru selari dengan kekuatan TP/TSP. Tahap penerimaan masyarakat juga tinggi dengan majoriti mengetahui mengenai TP/TSP melalui komuniti dan media sosial. Berdasarkan dapatan, penubuhan sekurang-kurangnya 10 kelas TP dan 5 kelas TSP baharu pada tahun 2025 dicadangkan sebagai permulaan peluasan.

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa TP/TSP mempunyai potensi besar untuk diperluaskan sebagai institusi pendidikan awal inklusif yang mampu milik dan berkualiti. Permintaan masyarakat yang tinggi serta kepentingan perpaduan pada usia awal menjadikan peluasan TP/TSP langkah penting ke arah menyediakan pendidikan yang adil dan menyokong keharmonian nasional.